

→ HALAMAN KOTA

Kronologi

Kejadian pokok tumbang

3 Jun 2016: → Hujan lebat berserta ribut petir yang melanda ibu negara menyebabkan empat laluan dinaiki air selain bomba menerima 38 panggilan kes pokok tumbang serta bumbung beberapa rumah di Jalan Klang Lama rosak selain siling bangunan di Taman Teknologi

Malaysia runtuh.

24 Mei 2016: → Angin kencang yang membadai Perlis dan beberapa daerah di Kedah, menyebabkan lebih 250 premis di kedua-dua negeri terjejas dengan ratusan kes pokok tumbang termasuk 50 pokok di sekitar Langkawi tumbang

dan patah, serta satu yang menghempap sebuah kenderaan pacuan empat roda (4WD) di Jalan Kisap, Langkawi.

9 April 2016: → Sebanyak 37 kediaman rosak teruk akibat ribut melanda empat kampung di Padang Terap, Kedah.

Kejadian turut menyebabkan 11 batang pokok tumbang, dengan satu daripadanya menghempap sebuah kereta milik penduduk kampung.

21 September 2015: → Beberapa kawasan sekitar bandar raya serta Seremban, Negeri Sembilan, dilanda banjir

kilat berikutan hujan lebat lebih dua jam sehingga menyebabkan beberapa pokok tumbang dan menghempap kenderaan di Jalan Tun Razak menghala Sungai Besi, Carcosa Seri Negara dan Taman Burung Kuala Lumpur. Kejadian menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk.

Pokok mudah tumbang ancam keselamatan

➔ PBT perlu sentiasa selenggara, tahu spesies dan lokasi sesuai tanam tumbuhan elak kejadian berulang

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin dan Nurul 'Aniqah Szale
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tunggu sahaja sehingga ada nyawa terkorban akibat pokok tumbang disiarkan media atau ambil tindakan segera sebelum insiden buruk berlaku.

Risiko berkenaan boleh dikurangkan jika pihak berkuasa tempatan (PBT) sentiasa menyelenggara pokok agar tidak membahayakan orang ramai setiap kali dilanda ribut.

Pakar Tumbuhan dan Perunding Tanaman, Mohd Zailani Jamal, berkata setiap pokok ditanam memerlukan penjagaan rapi supaya batangnya terus kuat bagi menahan tiupan angin.

Malah, katanya, memotong dan mencantas pokok juga memerlukan cara betul bagi mengelak ia cepat rosak dan batangnya rapuh.

Bekalkan oksigen

"Pokok sememangnya mempunyai manfaat dalam membekalkan oksigen kepada kehidupan sama ada haiwan atau manusia. Namun PBT perlu tahu spesies pokok bersesuaian dengan lokasi ia mahu ditanam.

"Contohnya, pokok besar tidak sesuai ditanam di ruang sempit. An-

tara pokok yang sesuai ialah pokok tanjung serta merawan siput jantan yang saiznya lebih sederhana.

Tanah lebih berasid

"Pokok yang tidak sesuai ditanam di kawasan bandar ialah busida serta khaya kerana dahannya boleh memanjang sehingga ke jalan raya," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Mohd Zailani berkata, selain penyelenggaraan, tanah di sekitar bandar ibu negara juga lebih berasid menyebabkan akar pokok tidak dapat mencengkam dengan kuat.


Sementara itu, Pensyarah Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Emran Zahrin Mohamad Taram, berkata penyelenggaraan yang tidak konsisten antara punca utama pokok mudah tumbang apabila ribut melanda.

Berdasarkan kajian mendapati, 70 peratus pokok yang tumbang dikategorikan sebagai tidak sihat dan kebanyakan pokok ini sukar dikenal pasti melainkan apabila berlaku kejadian pokok tumbang.

"Dari situ, baharu kita boleh lihat bahawa akar pokok tumbang itu sudah busuk, hitam dan mereput. Secara umumnya, banyak faktor menyebabkan pokok tidak sihat antaranya kurang penyelenggaraan, pokok dimakan anai-anai dan akar pokok yang luka dan tidak dirawat," katanya ketika ditemui di UPM.

Emran Zahrin berkata, kerja penyelenggaraan di sekitar jalan raya seperti pemotongan rumput juga boleh mendorong pokok cepat rosak dan mudah tumbang, terutama apabila alat pemotong rumput terkena batang dan akar pokok menyebabkan ia terluka.

"Cara pemotongan pokok perlu mengikut kaedah ditetapkan kerana cara potongan tidak betul mendorong pokok cepat rosak dan rapuh, sekali gus memudahkannya tumbang," katanya.



Emran Zahrin menunjukkan spesies pokok akar bukit atau tebing sungai yang mampu menghalang tanah runtuh dan tidak mudah tumbang apabila ribut berlaku.



Penyelenggaraan yang tidak konsisten mendorong pokok cepat rosak dan mereput selain mudah tumbang apabila ribut melanda.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

PBT perlu mengkaji spesies pokok yang sesuai ditanam di kawasan bandar bagi memastikan ia tidak mengancam keselamatan orang ramai dan tidak mudah tumbang akibat ribut.

[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]